

**MAJLIS BANDARAYA PETALING JAYA
JALAN YONG SHOOK LIN,
46675 PETALING JAYA.**

Telefon : 03-79563544

Ruj. Kami : MBPJ/010103(U)/S/M9/1 Jld. 2 (41)

**MINIT MESYUARAT MAJLIS
(PENGGAL 2012-2013)
BILANGAN 1 TAHUN 2013**

Tarikh	: 31 Januari 2013 (Khamis)
Masa	: 10.30 Pagi – 12.30 Tengahari
Tempat	: Dewan Bunga Tanjung, MAJLIS BANDARAYA PETALING JAYA.
Hadir	: Seperti dilampirkan kehadiran

1. DOA

Doa telah dibacakan oleh Encik Mohamad Rosnani bin Haji Hamid, Timbalan Pengarah (Sumber Manusia), Jabatan Khidmat Pengurusan, Majlis Bandaraya Petaling Jaya.

2. TAYANGAN VIDEO KORPORAT

Tayangan video korporat daripada Unit Perhubungan Awam mengambil masa selama 12 minit yang memaparkan aktiviti-aktiviti Majlis sepanjang bulan Disember 2012 dan Januari 2013.

3. PERUTUSAN DATUK BANDAR

- 3.1 Beliau ingin mengucapkan ribuan terima kasih kepada semua Ahli Majlis, Ketua Jabatan, pegawai-pegawai dan warga kerja Majlis Bandaraya Petaling Jaya yang telah bersama-sama memberikan kerjasama yang sepenuhnya kepada Majlis khususnya di dalam memastikan pelbagai program dan aktiviti yang telah dirancang dapat dilaksanakan dengan sebaiknya. Beliau bersama warga kerja MBPJ akan sentiasa menitikberatkan perkhidmatan yang berkualiti kepada penduduk Petaling Jaya. Bersesuaian dengan aspirasi dan kehendak warga Petaling Jaya, komitmen yang jitu serta semangat kerja berpasukan di antara satu sama lain sangatlah diharapkan.



- 3.2 Bajet 2012/2013 telah dilaksanakan.

Bil	Perkara	2012	2013
1	Perbelanjaan Pembangunan	RM22.8 juta	RM47.8 juta
2	Perbelanjaan Mengurus	RM258.3 juta	RM260.7 juta
Jumlah keseluruhan		RM281 juta	RM293.9 juta

Isu di hadapan kita sekarang ialah bagaimana untuk menguruskan pelaksanaan projek-projek ini. Untuk ini kita perlu tentukan untuk memberi prioriti kepada setiap projek yang hendak dilaksanakan di samping mematuhi semua prosedur-prosedur kewangan sedia ada. Projek akan dilaksanakan mengikut prioriti dan tidak boleh dipinda seperti yang telah diluluskan kerana ini akan melibatkan kelewatan dalam pelaksanaan projek. Kita juga akan mengadakan 'quarterly review' bajet di samping penubuhan jawatankuasa pemantauan pelaksanaan projek.

- 3.3 Beliau juga ingin memberi keutamaan kepada aduan rakyat yang mana hendaklah ditangani dengan sebaik-baiknya. Justeru itu, beliau sangat berharap agar aduan rakyat dapat ditangani dengan sebaik-baiknya. Penduduk Petaling Jaya khususnya, sentiasa mengharapkan tindakan penyelesaian lebih effisien, pantas dan cekap terhadap aduan mereka. Justeru itu untuk merealisasikan hasrat tersebut kita perlu ada sikap keterbukaan dan berfikiran positif dalam menerima maklumbalas dari orang awam.
- 3.4 Beliau menyeru agar semua ketua jabatan dapat memantau dengan lebih serius dan mengambil tindakan segera terhadap semua aduan-aduan yang diterima yang mana ia memberi gambaran tahap perkhidmatan MBPJ kepada rakyat.

Sepanjang bulan Januari 2013, MBPJ telah menerima aduan sebanyak 1,720 aduan di mana 612 aduan telah dapat diselesaikan. Berikut adalah antara aduan yang diterima bagi bulan Januari 2013:-

BIL	JENIS ADUAN	TERIMA	SELESAI	DALAM TINDAKAN
1	Lampu Jalan	113	58	55
2	Jalan Rosak	164	62	101
3	Kerosakan Longkang Kecil	55	2	53
4	Sampah - Pembersihan - Kutipan domestik - Waste buster	228 72 139	228 72 139	0 0 0
JUMLAH		771	561	209



Beliau telah memulakan ‘operational review meeting’ bagi melihat semua aduan supaya di ‘follow through’ sehingga selesai.

- 3.5 Pendekatan berbeza perlu diterapkan di mana Majlis hendaklah menentukan hala tuju dan model pembangunan bagi Bandaraya Petaling Jaya dan bukan setakat memberi kelulusan kepada apa saja projek pembangunan yang dikemukakan oleh pemaju. Sebagai contohnya, Rancangan Kawasan Khas Seksyen 13 telah menyatakan secara jelas transformasi kawasan perindustrian Seksyen 13 yang tidak sesuai lagi untuk dijadikan hub pembuatan sebagai satu *Business Park* dengan aktiviti bagi *work, play, study and live* yang hijau, berkarbon rendah, dihubung-jalin dengan jejantas antara bangunan. Oleh yang demikian, proses pertimbangan dan kelulusan kita haruslah mengambilkira aspek-aspek dan strategi bagaimana merealisasikan objektif perancangan tersebut dan bukannya model pembangunan ditentukan oleh pemaju ataupun yang sering dikaitkan dengan *market forces*. Ke arah itu, seperti yang beliau nyatakan di dalam Mesyuarat Jawatankuasa Pembangunan Mampan tempoh hari, jabatan-jabatan teknikal dan ahli majlis hendaklah berkompetensi, berkeyakinan dan berkemampuan berunding dengan pemaju apa yang kita impikan bagi Petaling Jaya.
- 3.6 Menurut Jabatan Perkhidmatan Hartanah dan Penilaian bagi 3 penggal pertama tahun 2012, transaksi harta berasal RM 106bil berbanding dengan RM 103bil bagi tahun 2011 telah dicatatkan. Ini menunjukkan pertambahan sebanyak 2.9% di mana segmen perumahan meliputi 63.7% ataupun bernilai RM 41bil, iaitu pertambahan sebanyak 1.3% dan lebih rendah daripada tahun lepas. Dengan aliran tersebut, adalah dijangkakan bahawa pasaran harta berasal bagi tahun 2013 adalah sederhana. Menurut Laporan NAPIC (National Property Information Centre) pula, sebanyak 32,324 unit pangaspuri servis disediakan dalam pasaran dan dalam tempoh 2-3 tahun akan datang, adalah dijangkakan bahawa sebanyak 29,000 unit akan ditawarkan. Dengan harga yang meningkat, pasaran bagi segmen perumahan mungkin melebihi apa yang mampu diterap oleh pasaran. Seiring itu, proses pertimbangan ke atas permohonan pembangunan terutamanya segmen perumahan seperti pangaspuri servis, SOHO, SOFO, SOVO, studio dan lain di zon perniagaan hendaklah diberi perhatian sepenuhnya. Ini terutamanya bagi pembangunan perumahan bertingkat yang tidak diliputi dalam perancangan pelan induk awal di mana keperluan kemudahan sosial seperti kawasan rekreasi, keselamatan, kesihatan, keagamaan dan lain tidak diambilkira pada peringkat awal. Satu mekanisma perancangan dan kawalan pembangunan yang mengambilkira pertambahan penduduk dan

seterusnya keperluan kemudahan sosial yang perlu disediakan haruslah dirangkakan.

- 3.7 Menurut *World Happiness Index* 2012 yang diterbitkan oleh Bangsa-Bangsa Bersatu, Malaysia menduduki tangga ke 51 daripada sejumlah 156 buah negara yang dikaji. Kajian tersebut turut menyenaraikan 8 fokus keutamaan warganegara kita, iaitu aspek menjaga keselamatan; membasi rasuah; kesaksamaan dalam tadbir urus; memperkasakan perkhidmatan awam; meningkatkan lagi keberkesanan sektor pengangkutan terutamanya pengangkutan awam; meningkatkan prestasi pendidikan; menggalakkan pertumbuhan ekonomi dan menghormati hak asasi dan kebebasan rakyat. Kebanyakan fokus adalah berkaitan secara langsung atau tidak langsung dengan tadbir urus PBT. Misalnya Bandar Selamat yang diterajui oleh Majlis, penyediaan kemudahan pengangkutan, meminimakan kerentahan birokrasi bagi memudahcarakan pertumbuhan ekonomi serta mengurangkan risiko rasuah dengan memastikan satu perkhidmatan awam yang efisyen merupakan fungsi hakiki Majlis. Oleh itu, kita mempunyai kebertanggungjawaban sosial yang wajib dan besar bagi mendorong meningkatkan kedudukan Malaysia dalam *World Happiness Index* 2013. Beliau berharap semua jabatan teknikal dalaman dan luaran akan memastikan Indeks tersebut tercapai dan menjadikan PJ dan MBPJ, *a loveable city*.
- 3.8 Beliau amat berharap agar semua Ahli Majlis mahupun wakil jabatan teknikal berganding bahu dan mengembeling kepakaran serta kemahiran professional masing-masing bagi memudahcarakan pencapaian sasaran MBPJ adalah 100% dan kualiti pembangunan di Petaling Jaya terjamin tinggi di samping *ease of doing business* bagi galakan pelaburan.
- 3.9 Beliau mengambil berat ke atas tragedi tanah runtuh di Bukit Setiawangsa, Kuala Lumpur dan Putra Height, Subang Jaya baru-baru ini. Pengajaran ini menunjukkan betapa pentingnya PBT termasuk MBPJ memikul tanggungjawab yang besar untuk memastikan projek pembangunan yang diluluskan adalah bertepatan dengan halatuju perancangan, kapasiti fizikal tanah dan aspirasi masyarakat. Kita hendaklah mengkaji kesesuaian pembangunan dalam skala makro, mikro dan teknikal supaya masalah impak negatif pembangunan seperti kesesakan lalulintas, kacau ganggu sosial dan ketidak-harmonian masyarakat dielakkan demi mewujudkan satu bandaraya yang pintar dan komuniti yang gembira. Pada 25 Januari 2013 yang lalu terdapat kejadian tanah runtuh telah berlaku di Bukit Gasing, Petaling Jaya disebabkan hujan yang lebat. MBPJ telah mengarahkan pemaju untuk mengambil tindakan dan perunding telah dilantik untuk



mengenalpasti apakah jenis kerosakan tersebut dan membuat kajian jangkamasa panjang. MBPJ juga telah menjalankan kerja-kerja pembersihan di kawasan tersebut. Kepakaran dan professional perlu digunakan untuk menangani isu. Contohnya: cerun. Kita juga perlu mendapat kerjasama dari kumpulan sukarelawan ataupun *Volunteer Groups* sebagai penggerak bersama penduduk bagi mengatasi masalah-masalah utama - *Self regulatory*.

- 3.10 Di samping itu juga beliau meminta supaya semua pegawai, kakitangan dan Ahli Majlis sentiasa berdisiplin terutama dari aspek pengurusan masa. Kehadiran mesyuarat mestilah mengikut masa yang telah ditetapkan dan sentiasa berada di dalam bilik mesyuarat sehingga tamat perbincangan supaya keputusan yang diputuskan dapat difahami dan dibuat dengan tepat oleh semua ahli mesyuarat.
- 3.11 Integriti merupakan asas penting bagi kakitangan awam. Kerajaan Negeri Selangor sendiri sedang berusaha bagi memupuk sikap integriti dan anti rasuah kepada kakitangannya dalam melaksanakan tugas harian. Ia diharapkan dapat menangkis persepsi negatif di kalangan masyarakat seterusnya mengembalikan kepercayaan terhadap penyampaian perkhidmatan awam.
- 3.12 Beliau menyeru agar semua individu, syarikat korporat dan juga parti-parti politik hendaklah mengikut prosedur sebelum menggantung *banner* dan *bunting*. MBPJ akan giat melaksanakan operasi tanggal iklan haram bagi mana-mana *banner* atau *bunting* yang tidak mendapat permit lesen tersebut. Sehubungan dengan itu, beliau menyeru agar mereka mendapatkan permit daripada MBPJ terlebih dahulu.
- 3.13 Sejak kebelakangan ini, kes kehilangan kanak-kanak dan sindiket penjualan bayi semakin berleluasa dan dibincangkan di forum-forum di masa ini. Menjadi keutamaan Majlis untuk bersama-sama pihak berkuasa lain menangani isu ini. Dari segi '*child alert*' Majlis telahpun menerbitkan buku maklumat Panduan Keselamatan Kanak-kanak Di Tempat Awam. Masalah jenayah yang melibatkan wanita (*women against crime*) amat perlu diberi pendedahan kepada golongan wanita tentang hak wanita menghadapi isu berkaitan tentang jenayah dan keselamatan.

Beliau juga ingin mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan Selamat Tahun Baru Cina kepada semua kaum tionghua. Untuk makluman, sambutan perayaan Tahun Baru Cina peringkat Negeri Selangor akan diadakan pada 17 Februari 2013 (Ahad) bertempat di One Utama, Bandar Utama Petaling Jaya yang akan dihadiri oleh YAB Dato' Menteri Besar Selangor.



SULIT**4.0 PENGESAHAN MINIT MESYUARAT MAJLIS MAJLIS BANDARAYA PETALING JAYA BILANGAN 11 TAHUN 2012 (SESI 2012/2013)**

4.1 Minit Mesyuarat Majlis bilangan 11 Tahun 2012 bertarikh 19 Disember 2012 telah diluluskan tanpa pindaan.

5.0 LAPORAN MAKLUM BALAS MINIT MESYUARAT MAJLIS:-**5.1 MINIT MESYUARAT MAJLIS BILANGAN 11 TAHUN 2012 BERTARIKH 19 DISEMBER 2012 (PENGGAL 2012/2013)**

Rujukan Minit	Perkara	Tindakan Yang Diambil
3.0	PERUTUSAN DATUK BANDAR - Kenaikan Kadar Caj Pembaharuan Lesen Di Tangguhkan	Majlis telah mengadakan bengkel saringan pertama di Royal Bintang Damansara melibatkan semua PBT Negeri Selangor dan Ahli Majlis pada 21/12/2012. Hasil daripada perbincangan itu, Bahagian Pelesenan dikehendaki membuat pindaan kadar fi lesen dan aktiviti lesen berdasarkan tiga aktiviti utama iaitu membuat, menjual dan menyimpan. Susulan daripada itu, satu perbincangan dalaman Majlis Bandaraya Petaling Jaya telah diadakan pada 9/1/2013 dan 11/1/2013 dengan mengambil kira perubahan kadar fi lesen. Keputusan perbincangan tersebut ialah membuat pindaan berasaskan kadar fi lesen 2007 dan mengekalkan kadar fi yang telah dibayar oleh pemegang lesen bagi lesen 2013.



		Pada 18/1/2013, satu pembentangan kertas kerja telah dibentangkan di dalam Mesyuarat STANCO yang memutuskan Kerajaan Negeri akan mengadakan bengkel di mana semua PBT perlu membuat kajian terhadap kadar fi lesen dimana kenaikan perlu dibuat pada setiap tahun.
5.0	LAPORAN/CADANGAN MINIT MESYUARAT JK INFRASTRUKTUR DAN PENASIHAT LALULINTAS BERTARIKH 21 NOVEMBER 2012 - Encik Derek John Fernandez mempersoalkan mengapa Majlis perlu menutup Jalan Chantek di mana tindakan tersebut menyusahkan penduduk kawasan tersebut. Beliau berharap agar kajian terperinci dibuat ke atas perkara tersebut.	Cadangan penutupan pembuka pembahagi jalan di Jalan Gasing – Jalan 5/13 telah dibuat oleh Perunding Trafik Tetuan Perunding Trafik Klasik Sdn. Bhd. atas faktor keselamatan kepada pemandu yang membekok ke kanan arah Lebuhraya Persekutuan. Memandangkan hanya ada satu saja bantahan yang diterima mengenai cadangan penutupan ini setakat ini iaitu melalui Encik Derek John Fernandez maka Jabatan akan meneliti semula cadangan kemudahan “pusingan-u” yang sesuai sebelum sebarang keputusan dibuat oleh Majlis.

7.1	<p>PERKARA YANG DIBANGKITKAN OLEH ENCIK DEREK JOHN FERNANDEZ</p> <ul style="list-style-type: none">- Berharap agar jabatan/bahagian terlibat mengambil tindakan segera ke atas bencana yang mungkin akan berlaku di Bukit Gasing disebabkan runtuh cerun bukit melibatkan tanah persendirian/swasta.	<p>Mesyuarat telah diadakan dengan Jabatan Mineral & Geologi (JMG), Selangor pada 28 Disember 2012. Pihak JMG mengesahkan runtuh cerun di Bukit Gasing adalah tidak merbahaya kerana tanah di Bukit Gasing dikategorikan jenis 'Kenny Hill' iaitu batu dan bukan tanah tambakan. Tindakan yang perlu diambil hanyalah pembersihan meliputi pemotongan dahan-dahan pokok yang dikhuatiri akan tumbang dan tanah-tanah yang tersumbat di dalam longkang tepi jalan.</p> <p>Mesyuarat telah <u>memutuskan</u> supaya tindakan berikut diambil :-</p> <p>i) <u>Jangka Pendek</u> Pengeluaran notis kepada pemilik dengan tempoh 2 minggu supaya mengambil tindakan dan sekiranya gagal pihak Majlis akan mengambil tindakan. Pembersihan longkang akan diambil selepas pembersihan dahan-dahan.</p> <p>ii) <u>Jangka Panjang</u> Bekerjasama dengan pihak JMG untuk melantik Perunding untuk penyimpanan data-data tanah tinggi yang terdapat di dalam kawasan MBPJ.</p>
-----	---	--

		<p>Encik Derek John Fernandez meminta agar Jabatan Kejuruteraan membuat tindakan segera ke atas perkara ini. Hasil siasatan beliau pada pagi ini didapati semua longkang tersumbat dan bencana telah pun berlaku. Sekiranya peruntukan tiada, majlis boleh menggunakan peruntukan kecemasan sebelum sesuatu yang lebih buruk berlaku.</p> <p>YBhg. Datin Paduka Pengurus mengambil serius perkara ini dan meminta semua ketua jabatan terlibat turun padang bagi meninjau kawasan tersebut dan memulakan kerja-kerja penyelenggaraan. Beliau akan turut bersama untuk meninjau perkara ini.</p>
--	--	---

6. MENIMBANGKAN LAPORAN/CADANGAN MINIT MESYUARAT JAWATANKUASA-JAWATANKUASA MAJLIS

**6.1 LAPORAN/CADANGAN MINIT MESYUARAT JAWATANKUASA TENDER BERTARIKH 18 DISEMBER 2012.
[RUJ.: MBPJ/010103(U)/S/M9/6 JLD. 2 (78)]**

6.1.1 Mesyuarat telah menerima dan mengambil maklum cadangan minit Mesyuarat Jawatankuasa tersebut di atas.

Tindakan : Jurukur Bahan, MBPJ.

**6.2 LAPORAN/CADANGAN MINIT MESYUARAT JAWATANKUASA PUSAT SETEMPAT (OSC) BERTARIKH 21 DISEMBER 2012, 8 JANUARI 2013, 17 JANUARI 2013 DAN 29 JANUARI 2013.
[RUJ.: MBPJ/010103(U)/S/M9/4 JLD. 3 (47)]
[RUJ.: MBPJ/010103(U)/S/M9/4 JLD. 3 (49)]
[RUJ.: MBPJ/010103(U)/S/M9/4 JLD. 3 (51)]
[RUJ.: MBPJ/010103(U)/S/M9/4 JLD. 3 (54)]**

6.2.1 Mesyuarat telah menerima dan mengambil maklum cadangan minit Mesyuarat Jawatankuasa tersebut di atas.

Tindakan : Ketua Unit OSC, MBPJ.



6.3 **LAPORAN/CADANGAN MINIT MESYUARAT JAWATANKUASA KAWALAN PERNIAGAAN DAN KESIHATAN BERTARIKH 16 JANUARI 2013.**
[RUJ.: MBPJ/010103(U)/S/M9/7 JLD. 2 (03)]

6.3.1 Mesyuarat telah menerima dan mengesahkan cadangan minit mesyuarat jawatankuasa tersebut di atas

Tindakan: Pengarah, Jabatan Kesihatan Persekutaran, MBPJ.

6.4 **LAPORAN/CADANGAN MINIT MESYUARAT JAWATANKUASA PERKHIDMATAN KORPORAT DAN TEKNOLOGI MAKLUMAT BERTARIKH 17 JANUARI 2013.**
[RUJ.: MBPJ/010103(U)/S/M9/10 JLD. 2 (46)]

6.4.1 Mesyuarat telah menerima dan mengesahkan cadangan minit mesyuarat jawatankuasa tersebut di atas.

Tindakan : Timbalan Pengarah (Sumber Manusia), Jabatan Khidmat Pengurusan, MBPJ.

6.4.2 Mesyuarat turut mengambil maklum berkaitan:-

- a) Pertanyaan daripada Encik Terence Tan Teck Seng mengapa permohonan bagi perkara 6.3 di muka surat 10 tidak diluluskan. Sehubungan dengan itu, Mesyuarat memutuskan agar:-
 - i) Keputusan yang diputuskan di dalam Mesyuarat Jawatankuasa Perkhidmatan, Korporat dan Teknologi Maklumat adalah kekal.
 - ii) Pengarah Undang-Undang diminta menyemak perkara ini dengan Dewan Bandaraya Kuala Lumpur dan semakan semula ke atas akta berkaitan.
 - iii) Jabatan Pembangunan Kemasyarakatan di minta untuk membawa perkara ini di dalam Mesyuarat Jawatankuasa Mampan akan datang untuk perbincangan semula. Ini kerana perkara ini dibincangkan di dalam Mesyuarat Jawatankuasa Kemasyarakatan dan Pembangunan Mampan, akan tetapi keputusan dibuat di dalam Mesyuarat Jawatankuasa Perkhidmatan, Korporat dan Teknologi Maklumat dan menimbulkan ketidak puasan hati di kalangan Ahli Majlis.

- b) Mulai Februari 2013, Mesyuarat ini akan dikenali sebagai Mesyuarat Jawatankuasa Kemasyarakatan, Perkhidmatan, Korporat dan Teknologi Maklumat.

Tindakan : Timbalan Pengarah (Sumber Manusia), Jabatan Khidmat Pengurusan, MBPJ.

- 6.5 **LAPORAN/CADANGAN MINIT MESYUARAT JAWATANKUASA AUDIT DAN PENGURUSAN KORPORAT BERTARIKH 18 JANUARI 2013.**
[RUJ.: MBPJ/010103(U)/S/M9/15 (89)]

6.3.1 Mesyuarat telah menerima dan mengambil maklum cadangan minit mesyuarat jawatankuasa tersebut di atas.

Tindakan : Pengarah, Audit Dalam, MBPJ.

- 6.6 **LAPORAN/CADANGAN MINIT MESYUARAT JAWATANKUASA KEWANGAN BERTARIKH 21 JANUARI 2013.**
[RUJ.: MBPJ/010103(U)/S/M9/2 JLD 2 (53)]

6.6.1 Mesyuarat telah menerima dan mengesahkan cadangan minit mesyuarat jawatankuasa tersebut di atas.

Tindakan : Pengarah, Jabatan Perbendaharaan, MBPJ.

6.6.2 Mesyuarat turut mengambil maklum berkaitan:-

- a) Bagi perkara 4.12 di muka surat 14 iaitu pembentangan cadangan pelaksanaan projek bagi tahun 2013 untuk Jabatan Kejuruteraan. YBhg. Datin Paduka Pengerusi berharap agar Jabatan berkaitan melihat pelaksanaan kerana menurut beliau yang penting bukan kelulusan akan tetapi pelaksanaan mengikut zon.
- b) Mesyuarat turut meminta agar Pengarah Jabatan Kejuruteraan menyerahkan BQ projek kepada Ahli Majlis mengikut zon bagi memudahkan pemantauan ke atas projek yang diluluskan.
- c) Aduan daripada Encik Azri bin Mohamad Arish berkaitan projek pejalan kaki di kawasan Masjid Mujahiddin SS 21/23 yang telah mengurangkan tempat letak kereta. Beliau berharap agar majlis peka terhadap keperluan tempat letak kereta di tempat-tempat ibadah.



Pengarah Jabatan Kejuruteraan memaklumkan bahawa projek ini adalah permohonan daripada Ahli Majlis kawasan sebelum ini dan ianya dibuat berdasarkan permintaan daripada jawatankuasa penduduk kawasan tersebut.

Sehubungan dengan itu, mesyuarat memutuskan agar penguatkuasaan dibuat di kawasan tersebut bagi mengelakkan kesesakan.

Tindakan : Pengarah, Jabatan Penguatkuasaan, MBPJ.

- d) Bagi masalah penutup longkang yang hilang di beberapa kawasan utama dan lain-lain masalah longkang, YBhg. Datin Paduka Pengerusi menjelaskan majlis akan menubuhkan 'Longkang Gang' bagi tujuan di atas.

Tindakan : Pengarah, Jabatan Kejuruteraan, MBPJ.

**6.7 LAPORAN/CADANGAN MINIT MESYUARAT JAWATANKUASA INFRASTRUKTUR DAN PENASIHAT LALULINTAS BERTARIKH 21 JANUARI 2013.
[RUJ.: MBPJ/010103(U)/S/M9/9 (100)]**

6.7.1 Mesyuarat telah menerima dan mengesahkan cadangan minit mesyuarat jawatankuasa tersebut di atas dengan tambahan bagi perkara yang tidak diminitkan iaitu:-

- a) Encik Khairul Anuar bin Ahmad Zainudin membangkitkan agar Jabatan Kejuruteraan mengemukakan maklumbalas berkaitan isu Kelana Idaman.

6.7.2 Mesyuarat mengambil maklum berkaitan:-

- a) Kelana Idaman

Bagi perkara di atas, Pengarah Jabatan Kejuruteraan memaklumkan bahawa satu mesyuarat berkaitan isu Kelana Idaman akan diadakan pada petang ini dan menjemput semua Ahli Majlis untuk hadir.

Mesyuarat memutuskan agar Jabatan Kejuruteraan memaklumkan status aduan kepada pengadu untuk makluman.

Puan Cynthia Gabriel meminta agar Jabatan Kejuruteraan mengadakan perbincangan dengan persatuan penduduk atau mengeluarkan jadual pelaksanaan Kelana Idaman untuk makluman berkaitan status kerja.

b) Papan Tanda Pemberitahuan

Encik Chan Chee Kong memaklumkan bahawa beliau pernah mencadangkan agar pemasangan papan tanda memaklumkan bahawa kawasan ini belum diserah kepada MBPJ dan tulis nama pemaju beserta dengan nombor telefon untuk dihubungi.

Selain daripada itu, pokok-pokok yang belum diserah kepada MBPJ perlu dipasang papan tanda pemberitahuan seperti di atas untuk makluman penduduk.

Perkara ini adalah penting agar penduduk maklum bahawa penyelenggaraan jalan/pokok tersebut masih belum diserahkan kepada Majlis untuk penyelenggaraan.

c) Isu Sg. Kayu Ara

Pengarah Jabatan Kejuruteraan telah berulangkali menulis surat kepada JPS berkaitan perkara di atas. YBhg. Datin Paduka Pengurus meminta agar Majlis menulis surat kepada JPS yang menyatakan Majlis akan membuat pemulihan dan kos akan ditanggung oleh JPS. Sebelum itu, Pengarah Unit Perundangan diminta untuk menyemak undang-undang berkaitan.

**Tindakan : Pengarah, Jabatan Kejuruteraan, MBPJ,
Pengarah, Unit Perundangan, MBPJ.**

**6.8 LAPORAN/CADANGAN MINIT MESYUARAT JAWATANKUASA
KEMASYARAKATAN DAN PEMBANGUNAN MAMPAN
BERTARIKH 22 JANUARI 2013.
[RUJ.: MBPJ/010103(U)/S/M9/12 JLD. 2 (70)]**

- 6.8.1 Mesyuarat telah menerima dan mengesahkan cadangan minit mesyuarat jawatankuasa tersebut di atas.
- 6.8.2 Mulai bulan Februari 2013, mesyuarat ini akan dikenali sebagai Jawatankuasa Pembangunan Mampan dan urusetia mesyuarat adalah Jabatan Perancangan Pembangunan.

**Tindakan : Pengarah, Jabatan Perancangan dan
Pembangunan, MBPJ.**

6.9 **LAPORAN/CADANGAN MINIT MESYUARAT JAWATANKUASA
TENDER BERTARIKH 22 JANUARI 2013.
[RUJ.: MBPJ/010103(U)/S/M9/6 JLD. 2 (82)]**

6.9.1 Mesyuarat telah menerima dan mengambil maklum cadangan minit mesyuarat jawatankuasa tersebut di atas.

Tindakan : Jurukur Bahan, MBPJ.

6.9.2 YBhg. Datin Paduka Pengerusi meminta agar wakil daripada Jabatan Kerjaraya (JKR) dipanggil semasa mesyuarat Tender bersidang bagi memberi nasihat atau pandangan.

6.9.3 Mesyuarat turut memutuskan agar pemilihan kontraktor bukan berdasarkan kepada harga yang terendah, akan tetapi yang berkualiti dan mampu melaksanakan projek atau kerja-kerja berdasarkan nasihat atau pandangan daripada Juruukur Bahan dan wakil JKR.

7.0 UCAPAN PENANGGUHAN

7.1 PERKARA YANG DIBANGKITKAN OLEH ENCIK AZRI BIN MOHAMED ARISH

7.1.1 Beliau mengucapkan tahniah kepada Bahagian Pelesenan yang berjaya mengeluarkan lesen kepada rumah-rumah tol.

7.1.2 Naik taraf jalan

Beliau menimbulkan isu menaiktaraf jalan dan bukan bertujuan untuk menyalahkan jabatan berkaitan.

7.1.3 Banner haram

Beliau mencadangkan agar Jabatan Penguatkuasaan dan Keselamatan menurunkan *banner* haram. Bagi *banner* berunsurkan hasutan hendaklah diturunkan tiga (3) atau 4 (empat) jam selepas majlis menerima aduan daripada orang awam.

**Tindakan : Pengarah, Jabatan Kejuruteraan, MBPJ,
Pengarah, Jabatan Penguatkuasaan dan
Keselamatan, MBPJ.**

7.2 PERKARA YANG DIBANGKITKAN OLEH TUAN YB. HEE LOY SIAN

7.2.1 Beliau membangkitkan empat (4) perkara berkaitan aduan iaitu:-

- a) Aduan sampah di Seksyen 17 yang masih belum selesai memandangkan kontraktor yang dilantik tidak dapat menjalankan kerja-kerja disebabkan peruntukan yang sedikit dan tidak boleh menampung perbelanjaan.
- b) Aduan banjir kilat di Taman Buana di mana aduan ini telah tiga (3) tahun dikemukakan dan masih belum selesai. Banjir ini disebabkan oleh longkang di tanah persendirian di mana Majlis tidak dapat menyelenggara longkang tersebut.

Pengarah Jabatan Kejuruteraan memaklumkan bahawa isu ini telah lama dibincangkan dan jabatan beliau telah meminta agar pemaju menyerahkan jalan tersebut kepada majlis untuk penyelenggaraan.

- c) Aduan kerosakan lift di kawasan PPR Lembah Subang di mana telah lima (5) tahun tidak diselenggara dengan baik.

YBhg. Datin Paduka Pengerusi memaklumkan bahawa Majlis telah banyak kali menyelenggara kemudahan sedia ada akan tetapi keadaan masih sama. Sebenarnya ini adalah sikap penduduk yang tidak menjaga kemudahan yang disediakan di mana membawa muatan seperti motorsikal dan membuang barang-barang lusuh seperti peti ais di dalam lift. Menurut beliau lagi Kementerian telah memperuntukan sebanyak RM21 juta dan MBPJ memperuntukan sebanyak RM3 juta. Beliau akan membincangkan perkara ini dengan Pengarah Jabatan Penilaian dan Pengurusan Harta.

- d) Beliau turut membangkitkan isu tanah runtuh di Bukit Gasing.

YBhg. Datin Paduka Pengerusi memaklumkan perkara ini telah dibincangkan dan beliau bersama Ketua Jabatan akan meninjau kawasan runtuhan tersebut selepas mesyuarat majlis petang ini untuk tindakan selanjutnya.

**Tindakan : Pengarah, Jabatan Kesihatan Persekutaran, MBPJ,
Pengarah, Jabatan Kejuruteraan, MBPJ,
Pengarah, Jabatan Penilaian , MBPJ.**



7.3 PERKARA YANG DIBANGKITKAN OLEH ENCIK ANTHONY SIVA BALAN A/L THANASAYAN**7.3.1 Seminar atau Bengkel Kesedaran**

Beliau mencadangkan agar satu seminar atau bengkel kesedaran di adakan kepada penduduk terutama di PPR berkaitan kemudahan yang telah diberi oleh Majlis. Kesedaran amat penting agar mereka menghargai kemudahan yang disediakan bukan merosakkan kemudahan yang telah diberi kepada mereka.

Tindakan : Pengarah, Jabatan Penilaian, MBPJ.

7.4 PERKARA YANG DIBANGKITKAN OLEH ENCIK JEYASEELAN A/L T. ANTHONY**7.4.1 Polisi pembayaran lesen**

- a) Beliau mencadangkan agar polisi pembayaran lesen ditukar kepada Januari – Jun bukan seperti sekarang di mana lesen tamat tempoh sehingga Disember. Keadaan ini menyebabkan kesesakan di kaunter lesen.
- b) Sehubungan dengan itu, Pengarah Undang-Undang diminta untuk menyemak perkara ini dari segi perundangan.

Tindakan : Pengarah, Undang-Undang, MBPJ.

7.5 PERKARA YANG DIBANGKITKAN OLEH ENCIK LEE CHIN CHEH**7.5.1 Banjir Kilat**

Beliau membangkitkan isu banjir kilat di beberapa kawasan di MBPJ. Beliau berharap agar Majlis melakar pelan induk kerja-kerja penyelenggaraan dan menyegerakan tindakan dengan menggunakan peruntukan 1 juta yang telah diluluskan untuk PJS.

7.5.2 Menaiktaraf Pasar Awam

Selain daripada itu beliau turut mencadangkan agar pasar-pasar basah yang tidak tersusun seperti di Seri Setia dinaik taraf kepada hypermarket.

**Tindakan : Pengarah, Jabatan Kejuruteraan, MBPJ,
Pengarah, Jabatan Kesihatan Persekutuan, MBPJ.**



7.6 PERKARA YANG DIBANGKITKAN OLEH CIK TIEW WAY KENG**7.6.1 Sistem aduan**

- a) Beliau mencadangkan agar Majlis menambah talian tol bebas kepada sistem aduan sedia ada.
- b) Majlis juga diminta untuk mengaktifkan sistem sms aduan dan melihat semula kelancaran talian tersebut.

**Tindakan : Pengarah, Unit Aduan Awam, MBPJ,
Timbalan Pengarah (Teknologi Mklumat, MBPJ).**

7.6.2 Kutipan Sampah

- a) Beliau mencadangkan agar Majlis mengkaji satu dasar untuk menggalakkan penduduk Petaling Jaya mengasingkan dan membuang sampah mengikut kategori seperti kaca, plastik, kertas dan tin. Satu insentif perlu diberi kepada penduduk yang mengamalkan gaya hidup di atas.
- b) Sehubungan itu, Ketua Unit OSC dan Pengarah Jabatan Kesihatan Persekutaran diminta untuk melihat perkara ini.

**Tindakan : Pengarah, Jabatan Kesihatan Persekutaran, MBPJ,
Ketua Unit OSC, MBPJ.**

7.6.3 e-lesen

- a) Beliau berharap agar e-lesen yang telah dilancarkan tahun lepas boleh dilayari melalui internet. Beliau turut berharap agar sistem tersebut di 'up grade' dan boleh digunakan oleh pelanggan.

Tindakan : Timbalan Pengarah (Teknologi Mklumat, MBPJ).

7.6.4 Penyelenggaraan pokok

Beliau berharap agar kontraktor yang dilantik untuk tebang dan cantas pokok, membuat penyelenggaraan ke atas pokok tersebut.

Tindakan : Pengarah, Jabatan Landskap dan Kehijauan Bandar, MBPJ.

7.6.5 Beliau turut berharap agar Pengarah Undang-Undang mengkaji polisi pemberian insentif galakan kepada penduduk dengan mengambil contoh Negara Singapura.

Tindakan : Pengarah, Undang-Undang, MBPJ.

7.7 PERKARA YANG DIBANGKITKAN OLEH ENCIK CHAN CHEE KONG

7.7.1 Beliau berharap agar Majlis dapat mengutip sampah-sampah pukal yang dibuang oleh penduduk terutama di musim perayaan di mana penduduk menukar perabut baru dan membuang perabut lama. Cadangan hari untuk mengutip sampah pukal ini adalah pada hari Ahad.

Tindakan : Pengarah, Jabatan Kesihatan dan Persekitaran, MBPJ.

7.8 PERKARA YANG DIBANGKITKAN OLEH ENCIK KHAIRUL ANUAR BIN AHMAD ZAINUDIN

7.8.1 Beliau mencadangkan agar kerja-kerja kutipan sampah dan potong rumput ditingkatkan daripada 2 kali seminggu kepada 3 kali seminggu.

Tindakan : Pengarah, Jabatan Kesihatan dan Persekitaran, MBPJ.

7.9 PERKARA YANG DIBANGKITKAN OLEH ENCIK AZMAN BIN YUSOF

7.9.1 Isu sampah dan pembersihan

- a) Beliau membangkitkan masalah sampah dan pembersihan di kawasan PJS, 5, 6 dan 10 di mana walaupun masalah ini telah dibangkitkan berulang kali ianya tetap sama. Beliau berharap agar kontraktor yang tidak 'perform' dipecat dan digantikan dengan kontraktor lain.
- b) YBhg. Datin Paduka Pengerusi meminta agar kontraktor tersebut dinilai dalam tempoh enam (6) bulan. Sekiranya dalam masa enam (6) bulan, kontraktor tersebut tidak 'perform', kontraktor tersebut boleh dipecat.

Tindakan : Pengarah, Jabatan Kesihatan dan Persekitaran, MBPJ,

Pengarah, Jabatan Landskap dan Kehijauan Bandar, MBPJ.



SULIT

Mesyuarat ditangguhkan pada jam 12.30 tengahari. YBhg. Datin Paduka Pengerusi mengucapkan terima kasih di atas ucapan penangguhan. Beliau menekankan bahawa ucapan penangguhan adalah ucapan berkaitan dasar dan bukan ucapan berkaitan aduan.

Beliau turut berharap agar Unit Perhubungan Awam menayangkan aktiviti-aktiviti oleh Ahli Majlis semasa tayangan video korporat bagi bulan berikutnya.

Selain daripada itu beliau turut meminta agar Urusetia Mesyuarat menukar ayat laporan/cadangan minit mesyuarat kepada cadangan minit mesyuarat berkuatkuasa mulai bulan Februari 2013.

Akhirnya, sekali lagi beliau mengucapkan Selamat Tahun Baru Cina kepada semua kaum tionghua.



PUASA BIN MD TAIB),
Setiausaha,
b.p. Datuk Bandar,
Majlis Bandaraya Petaling Jaya.

Bertarikh : 8 Januari 2013



HADIR:

- | | | | |
|-----|---|---|-----------|
| 01. | YBhg. Datin Paduka Alinah binti Ahmad,
Datuk Bandar, MBPJ, | - | Pengerusi |
| 02. | Encik Puasa bin Md Taib,
Timbalan Datuk Bandar, MBPJ, | | |
| 03. | Cik Tiew Way Keng,
Ahli Majlis, MBPJ, | | |
| 04. | Tuan Haji Ghazali bin Shaari,
Ahli Majlis, MBPJ, | | |
| 05. | Encik Derek John Fernandez,
Ahli Majlis, MBPJ, | | |
| 06. | Encik Mahharul bin Ismail,
Ahli Majlis, MBPJ, | | |
| 07. | Encik Richard Yeoh Yong Woi,
Ahli Majlis, MBPJ, | | |
| 08. | Encik Chan Chee Kong,
Ahli Majlis, MBPJ, | | |
| 09. | Puan Cynthia Gabriel,
Ahli Majlis, MBPJ, | | |
| 10. | Tuan Ir. Tiong Boon Keong,
Ahli Majlis, MBPJ, | | |
| 11. | Encik Terence Tan Teck Seng,
Ahli Majlis, MBPJ, | | |
| 12. | Encik Khairul Anuar bin Ahmad Zainudin,
Ahli Majlis, MBPJ, | | |
| 13. | Encik Jeyaseelen a/l T Anthony,
Ahli Majlis, MBPJ, | | |
| 14. | Encik Tony Cheong Siew Thong,
Ahli Majlis, MBPJ, | | |



SULIT

15. Encik Kandeah,
Ahli Majlis, MBPJ,
16. Tuan Ir. Lee Suet Sen,
Ahli Majlis, MBPJ,
17. Encik Azri bin Mohamad Arish,
Ahli Majlis, MBPJ,
18. Puan Norliana binti Mohamad,
Ahli Majlis, MBPJ,
19. Tuan Haji Mohd Ghazali bin Daud,
Ahli Majlis, MBPJ,
20. Encik Ahmad Akhir bin Pawan Chik,
Ahli Majlis, MBPJ,
21. Encik Lee Chin Cheh,
Ahli Majlis, MBPJ,
22. Encik Azman bin Yusof,
Ahli Majlis, MBPJ,
23. Encik Suriase a/l Gengiah,
Ahli Majlis, MBPJ,
24. Encik Anthony Siva Balan a/l Thanasayan,
Ahli Majlis, MBPJ.

HADIR BERSAMA:

01. Tuan Haji Ahmat Mohayen bin Haji Said,
Timbalan Setiausaha,
Jabatan Khidmat Pengurusan, MBPJ.
02. Puan Hajah Nik Nazli binti Nik Abdullah,
Wakil Pengarah,
Jabatan Perbendaharaan, MBPJ.
03. Puan Sharipah Marhaini binti Syed Ali,
Pengarah,
Jabatan Perancangan Pembangunan, MBPJ.



SULIT

04. Tuan Ir. Haji Cheremi bin Tarman,
Pengarah,
Jabatan Kejuruteraan, MBPJ.
05. Puan Sr Amreeta Kaur, MISM,
Pengarah,
Jabatan Penilaian dan Pengurusan Harta, MBPJ.
06. Encik Aznan bin Haji Hassan,
Pengarah,
Jabatan Pembangunan Kemasyarakatan, MBPJ.
07. Puan Hamidah binti Ariffin,
Pengarah,
Jabatan Kawalan Bangunan, MBPJ.
08. Puan Zuraidah binti Sainan,
Pengarah,
Jabatan Landskap dan Kehijauan Bandar, MBPJ.
09. Puan Dr. Chithradavi a/p N Vadivellu,
Pengarah,
Jabatan Kesihatan Persekutaran, MBPJ.
10. Encik Mohd Fauzi bin Maarop,
Pengarah,
Jabatan Penguatkuasaan dan Keselamatan, MBPJ.
11. Encik Abd. Mutalib bin Mohd Ali,
Pengarah (Undang-Undang),
Unit Perundangan, MBPJ.
12. Puan Haniza binti Abdul Hamid,
Pengarah (Perhubungan Awam),
Unit Perhubungan Awam, MBPJ.
13. Encik Ainul Adnan bin Abdul Rahaman,
Pengarah Audit Dalam,
Unit Audit Dalam, MBPJ.
14. YM. Tengku Nazaruddin bin Tengku Zainuddin,
Pengarah Aduan Awam,
Unit Aduan Awam, MBPJ.
15. Encik Lee Lih Shyan,
Ketua Unit Pusat Setempat (OSC), MBPJ.



SULIT

16. Cik Norshabani binti Johari,
Ketua Unit Pesuruhjaya Bangunan (COB), MBPJ.
17. Encik Samsul Bahari bin Nonchi,
Timbalan Pengarah (Teknologi Maklumat),
Bahagian Teknologi Maklumat, MBPJ.
18. Encik Mohamad Rosnani bin Haji Hamid,
Timbalan Pengarah (Sumber Manusia),
Bahagian Sumber Manusia, MBPJ.
19. Puan Hajah Sharinaz binti Haji Samsudin,
Timbalan Pengarah (Pelesenan),
Bahagian Pelesenan, MBPJ.
20. Puan Saliza binti Mohd Masri,
Penolong Pengarah Kanan (Tender dan Kontrak),
Bahagian Tender dan Kontrak, Jabatan Kejuruteraan, MBPJ.
21. Encik Zey Iskandar bin Mohd Jalil,
Wakil Penolong Pengarah Kanan (Korporat),
Unit Korporat dan Inovasi, MBPJ.
22. Puan Zainun binti Zakaria,
Pegawai Perhubungan Awam,
Unit Perhubungan Awam, MBPJ.

AHLI PARLIMEN/ADUN:

01. YB. Tuan Hee Loy Sian,
Ahli Parlimen Petaling Jaya Selatan (PJS).
02. Encik Billy Wong,
Wakil Ahli Parlimen Petaling Jaya Utara (PJU).
03. Puan Kasthuriaani a/p Patto,
Wakil ADUN Angkat Bukit Gasing.

TURUT HADIR :

01. Puan Norzita binti Mokhar,
Penolong Pengarah Kanan (Undang-undang),
Unit Perundangan, MBPJ.



URUSETIA :

01. Puan Haslida binti Samat,
Penolong Pegawai Tadbir Kanan (Urusetia),
Bahagian Pentadbiran Am dan Urusetia,
Jabatan Khidmat Pengurusan, MBPJ.
02. Puan Sunita binti Saad,
Pembantu Tadbir Kanan,
Bahagian Pentadbiran Am dan Urusetia,
Jabatan Khidmat Pengurusan, MBPJ.
03. Encik Mohd. Sakri bin Md Zin,
Pembantu Tadbir,
Bahagian Pentadbiran Am dan Urusetia,
Jabatan Khidmat Pengurusan, MBPJ.